From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STF IBS UUM PERKASA CELIK KEWANGAN 250 PELAJAR POLIMAS MENERUSI PROGRAM HACK @ IPT
Date: Tuesday, 15 September, 2026 3:44:48 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

15 SEPTEMBER 2026 / 3 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Mohd Saharudin Shakrani
Gambar oleh: Muhammad Nazmi

STF IBS UUM PERKASA CELIK KEWANGAN 250 PELAJAR POLIMAS MENERUSI PROGRAM HACK @ IPT



UUM ONLINE: Dana Sosial Takaful (STF), Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Politeknik Premier Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) telah menjayakan Program Hari Celik Kewangan (HACK) @ IPT yang melibatkan seramai 250 pelajar POLIMAS.

Program yang berlangsung di POLIMAS, Jitra itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan STF IBS UUM dalam memperluaskan pendidikan dan kesedaran kewangan kepada golongan pelajar, khususnya dalam membentuk generasi muda yang lebih bijak mengurus kewangan serta bersedia menghadapi cabaran ekonomi pada masa hadapan.

Bertemakan "Celik Kewangan, Hidup Sejahtera, Masa Depan Terjamin", program berkenaan memberi penekanan kepada keseimbangan antara pengurusan kewangan, kesejahteraan psikologi dan perancangan masa depan.

Penceramah UUM, Dr. Afiruddin Tapa dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) berkata, golongan muda perlu membina asas pengurusan kewangan yang kukuh seawal menerima pendapatan pertama.

Menurutnya, pengetahuan berkaitan simpanan, pelaburan dan perancangan kewangan perlu diterjemahkan kepada tindakan yang konsisten.

"Pembinaan kekayaan bukan hanya bergantung kepada jumlah pendapatan yang diterima, tetapi bagaimana seseorang mengurus, menyimpan dan melaburkan wang secara berdisiplin. Lebih awal seseorang bermula, lebih besar peluang untuk membina kedudukan kewangan yang kukuh pada masa hadapan," katanya.



Beliau turut berkongsi mengenai kepentingan memahami instrumen pembinaan kekayaan seperti saham, unit amanah, emas dan hartanah, di samping menekankan aspek perancangan kewangan serta kewaspadaan terhadap penipuan pelaburan.

Sementara itu, penceramah daripada KWSP, Puan Amalina berkata, kesedaran mengenai simpanan persaraan perlu diterapkan sejak usia muda dan tidak seharusnya hanya difikirkan apabila seseorang telah hampir ke usia persaraan.

“Perancangan persaraan sebenarnya bermula sejak seseorang menerima pendapatan pertama. Walaupun jumlah simpanan pada peringkat awal mungkin kecil, amalan menyimpan secara konsisten akan memberi kesan yang besar dalam jangka panjang,” katanya.

Menurunya, golongan muda juga perlu memahami bahawa simpanan persaraan merupakan sebahagian daripada perancangan kewangan menyeluruh dan bukan sekadar simpanan untuk kegunaan selepas tamat bekerja.

Beliau turut menekankan kepentingan membina tabiat kewangan yang baik, termasuk mengawal perbelanjaan, menyediakan simpanan kecemasan serta membuat perancangan jangka panjang agar individu lebih bersedia menghadapi perubahan keadaan ekonomi dan kehidupan.



Pengarah Program HACK @ IPT, Mohd Saharudin Shakrani berkata, penganjuran program berkenaan bukan sekadar untuk memberikan pengetahuan kewangan secara teori, malah bertujuan membentuk perubahan tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar.

“Kami mahu peserta memahami bahawa celik kewangan bukan hanya tentang menyimpan wang. Ia melibatkan kebolehan membuat keputusan kewangan yang tepat, mengawal perbelanjaan, merancang simpanan, memahami risiko dan membuat persediaan untuk masa depan sejak di bangku pengajian.

“Pendekatan kerjasama strategik antara universiti, KWSP dan institusi pendidikan seperti POLIMAS membolehkan ilmu berkaitan kewangan disampaikan secara lebih praktikal dan dekat dengan kehidupan golongan muda,” katanya.

Program turut mengetengahkan pengisian “Mind Over Money: Sejahtera Psikologi, Strategi Kewangan” yang memberi fokus kepada tiga aspek utama iaitu kesihatan minda yang seimbang, pengurusan kewangan yang bijak dan perancangan masa depan yang mampan.

Dalam sesi bersama KWSP pula, peserta diberikan pendedahan berkaitan kepentingan simpanan persaraan, pengurusan kewangan dan persediaan kewangan jangka panjang bagi membantu mereka memahami bahawa perancangan masa depan perlu dimulakan sejak usia muda.



Pasukan HACK @ IPT daripada UUM yang terlibat dalam menjayakan program ini terdiri daripada Dr. Yazid Isa, Dr. Badrul Hakimi, Khairul Anuar Adnan dan Muhammad Nazmi, selain Mohd Saharudin Shakrani selaku Pengarah Program.

Penganjuran HACK @ IPT mencerminkan komitmen STF IBS UUM untuk terus memperluas agenda literasi kewangan kepada komuniti pendidikan menerusi pendekatan kolaboratif bersama pelbagai institusi dan agensi.

Program ini turut menyokong usaha melahirkan generasi muda yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan akademik, tetapi memiliki kemahiran mengurus kewangan, merancang masa hadapan dan membuat keputusan kewangan secara lebih bertanggungjawab.

Kerjasama antara STF IBS UUM, KWSP dan POLIMAS diharapkan dapat diteruskan dalam program-program akan datang bagi memperluaskan manfaat pendidikan kewangan kepada lebih ramai pelajar dan masyarakat.

“Celik Kewangan, Hidup Sejahtera, Masa Depan Terjamin.”

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.